



Pihak Berkuasa Kawalan Dadah
Drug Control Authority
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Ruj. Kami : (25) dlm.BPFK/02/5/1.3
Tarikh : 12 MAR 2004

SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN

Tuan,

Perkara : Pendaftaran Produk-Produk Yang Mengandungi Herba *Comfrey & Senecio spp.*

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada keputusan Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) kali ke 156 yang telah diadakan pada 24hb. Februari 2004 mengenai perkara di atas.

2. Pihak PBKD dalam mesyuaratnya kali ke 156 telah bersetuju agar:
 - 2.1 Herba *Comfrey* dan *Senecio spp.* adalah **TIDAK DIBENARKAN** diguna dalam semua jenis keluaran yang didaftarkan oleh PBKD untuk penggunaan di Malaysia atas isu keselamatan. Oleh yang demikian, pihak PBKD **TIDAK AKAN** mendaftarkan produk-produk yang mengandungi kedua-dua herba tersebut.
 - 2.2 Produk-produk yang sudah berdaftar akan **DIBATALKAN** pendaftarannya dan produk-produk yang sedang dalam proses pendaftaran akan **DITOLAK** permohonan pendaftarannya.
 - 2.3 Bagi produk-produk yang telah berdaftar, pengilangan secara tempatan dan pengimportan produk-produk ini dari luar negara adalah tidak dibenarkan.
 - 2.4 Pihak PBKD memberikan tempoh masa **ENAM BULAN** dari tarikh keputusan mesyuarat PBKD kepada pemegang pendaftaran untuk memastikan agar produk-produk tersebut tiada lagi di pasaran.
3. Sehubungan dengan ini, para pemegang pendaftaran adalah diingatkan agar mematuhi keputusan tersebut.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

" UTAMAKAN KUALITI, EFIKASI, DAN KESELAMATAN "

Saya yang menurut perintah,

(EISAH BT. A. RAHMAN)

Setiausaha

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah
Kementerian Kesihatan Malaysia.

- s.k.
1. Pengarah Perkhidmatan Farmasi, KKM
 2. Ketua Bahagian BFS
 3. PhAMA
 4. MOPI
 5. Presiden, Persatuan Pengeluar Ubat Tradisional Melayu Malaysia (PURBATAMA)
 6. Presiden, Majlis Perubatan Homeopathy Malaysia
 7. Presiden, Persekutuan Perubatan Tradisional Melayu Malaysia (PUTRAMAS)
 8. Presiden, Pertubuhan Perubatan Tradisional India Malaysia (PEPTIM)
 9. Presiden, Federation of Chinese Physicians & Medicine Dealers Association Malaysia (FCPMDAM)
 10. Presiden, Persatuan Pengeluar Ubat Cina Malaysia
 11. Presiden, Persatuan Pengimport Ubat Arak Perubatan & Barangan Kesihatan Cina Malaysia